KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PELANTIKAN YBRS.PUAN HAJAH SAPIAH BINTI MOHD NOR SEBAGAI KETUA PENGARAH, JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan YBrs. Puan Hajah Sapiah binti Mohd Nor sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Ke-18 berkuatkuasa 15 September 2021.

Pelantikan beliau diperkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Surat pelantikan beliau telah diserahkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada hari Selasa 14 September 2021 jam 12:00 tengah hari di Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Parlimen.

Pelantikan Puan Hajah Sapiah binti Mohd Nor telah mencipta sejarah negara tersendiri apabila beliau menjadi wanita Orang Asli pertama dilantik ke jawatan tertinggi perkhidmatan awam. Pelantikan ini juga merupakan sejarah kepada JAKOA apabila dipimpin oleh golongan wanita sekali gus meningkatkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dan masyarakat Orang Asli dalam perkhidmatan awam.

Puan Hajah Sapiah berumur 56 tahun adalah Orang Asli keturunan Suku Semai berkelulusan Ijazah Sarjana Undang-Undang Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2007 dan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan universiti yang sama pada tahun 2001.

Memulakan tugas sebagai Penolong Pegawai Tadbir pada tahun 1991, beliau yang berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam selama 30 tahun juga pernah berkhidmat di beberapa kementerian dan jabatan. Antaranya Kementerian Kewangan, Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sebelum di lantik menjadi Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada tahun 2003 sehingga kini.

Saya bagi pihak Kerajaan dan seluruh **Keluarga Malaysia** merakamkan ucapan tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada YBrs. Puan Hajah Sapiah binti Mohd Nor atas pelantikan ini.

-Tamat-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

YB. DATO' SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
14 SEPTEMBER 2021



Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my